


BAB 4.0

HALA TUJU PERANCANGAN





4.0 HALA TUJU PERANCANGAN


Bab ini mengandungi konsep pembangunan, matlamat, teras perancangan dan pemboleh daya utama. Konsep pembangunan spatial adalah mengambil kira potensi pembangunan bagi setiap stesen ECRL.

Matlamat dan teras perancangan dibentuk berdasarkan cabaran dan peluang utama serta konsep pembangunan yang telah dikenalpasti. Tiga (3) teras perancangan telah dihasilkan merangkumi aspek guna tanah, pengangkutan, pertumbuhan ekonomi dan kesalinghubungan. Manakala satu (1) pemboleh daya utama dihasilkan sebagai penggerak untuk pengurusan dan pelaksanaan. Teras dan pemboleh daya utama ini akan membantu agensi yang terlibat dengan menjadikan PeGTaECRL sebagai dokumen rujukan untuk menyokong pembangunan mampan Wilayah Pantai Barat dan Wilayah Pantai Timur ke arah kesejahteraan masyarakat.

4.1 KONSEP PEMBANGUNAN

Pembentukan konsep adalah berdasarkan cabaran dan peluang utama dengan mengenal pasti kesesuaian pembangunan untuk setiap stesen sebelum membentuk teras perancangan yang akan menjadi tunjang dalam pembentukan strategi perancangan. Cadangan konsep ini bertujuan menyokong pembangunan wilayah khususnya di Wilayah Pantai Timur dan memperkukuh pembangunan Wilayah Pantai Barat untuk mengembangkan ekonomi merentasi negeri dan wilayah dengan adanya perkhidmatan ECRL. Berikut merupakan carta alir pembentukan konsep pembangunan spatial bagi kajian ini.

Rajah 4.1: Carta Alir Pembentukan Konsep Pembangunan Spatial



Sumber: Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PeGTaECRL), 2023



4.1.1 KONSEP PEMBANGUNAN SPATIAL

Asas pembentukan konsep pembangunan diambil kira berdasarkan kepada enam (6) elemen penting seperti di **Rajah 4.2**.

Rajah 4.2: Perhubungan Konsep Pembangunan Berdasarkan Asas Pembentukan Konsep


ASAS PEMBENTUKAN KONSEP PEMBANGUNAN	KONSEP PEMBANGUNAN
<p>01</p> <p>PU 5, PU 3, PU 6, PU 2</p> <p>Peranan fungsi stesen ECRL utama serta daya tarikan bandar-bandar utama untuk menarik pelaburan dan merencanakan pembangunan di sekitar stesen. Ia juga akan menghasilkan <i>positive ripple effect</i> kepada stesen-stesen dan membantu mencapai keseimbangan antara wilayah.</p>	<p><u>Pusat Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) Utama</u></p> <p>Peranan stesen ECRL di kawasan Bandar Global, Bandar Wilayah dan Bandar Negeri sebagai TOD utama bagi memberikan impak bukan sahaja terhadap stesen tersebut malahan kepada kawasan sekitar dan juga stesen lain.</p>
<p>02</p> <p>PU 1, CU 1, CU 3</p> <p>Mengalakkan kaedah yang lebih efisien dan mampan bagi pergerakan kargo dan logistik dengan memanfaatkan perhubungan ECRL dengan infrastruktur utama negara (pelabuhan ke pelabuhan).</p>	<p><u>Perhubungan Dengan Infrastruktur Logistik Utama Negara</u></p> <p>Memanfaatkan perhubungan ECRL dengan infrastruktur logistik utama negara bagi mengembangkan peluang ekonomi rentas wilayah dan negeri.</p>
<p>03</p> <p>PU 6, PU 5, PU 6</p> <p>Aktiviti kargo dan logistik yang membantu mengembangkan peluang ekonomi rentas wilayah dan negeri di samping meningkatkan peluang guna tenaga (peluang pekerjaan).</p>	<p><u>Pembangunan Berorientasikan Kargo (COD)</u></p> <p>Pembangunan berkonsepkan COD bagi stesen kargo. COD menggalakkan kaedah yang lebih efisien bagi pergerakan kargo dan persekitaran yang lebih mampan.</p>
<p>04</p> <p>PU 6, PU 4, PU 5</p> <p>Menonjolkan ciri-ciri unik yang terdapat di sekitar stesen sama ada dari segi lokasi, perkhidmatan, ekonomi ataupun kawasan pelancongan bagi menarik minat pengguna menggunakan perkhidmatan ECRL.</p>	<p><u>Aktiviti/ Fungsi Khas Stesen</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Gateway antarabangsa • Gateway pelancongan • Logistik kargo dan industri • Gerbang institusi pendidikan
<p>05</p> <p>CU 2, CU 4</p> <p>Penyelarasan kemudahan infrastruktur pengangkutan untuk penumpang dan kargo di peringkat wilayah dan tempatan untuk menghasilkan perjalanan yang lancar (seamless travel).</p>	<p><u>Kesalinghubungan</u></p> <p>Mengoptimumkan potensi ECRL dengan penyediaan kemudahan infrastruktur pengangkutan bagi penumpang dan kargo untuk ke stesen. Ini termasuk penyediaan mod pengangkutan <i>multi-modal</i> dan kemudahan <i>First-and-Last-Mile</i>.</p>
<p>06</p> <p>CU 5</p> <p>Mengambil kira aspek pemeliharaan dan pemuliharaan bagi pembangunan yang berada di kawasan khazanah dan semula jadi serta pelan pengurusan risiko bagi kawasan yang sering terjadi bencana.</p>	<p><u>Pemeliharaan dan Pemuliharaan Khazanah Semula Jadi Serta Pengurusan Risiko Geobencana</u></p> <p>Pembangunan mampan yang mengambil kira aspek pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan khazanah semula jadi serta pengurusan risiko bencana.</p>

Nota: CU – Cabaran Utama, PU – Peluang Utama

BAB 4.0 HALA TUJU PERANCANGAN

PELAN INDUK BERSEPADU GUNA TANAH LALUAN REL PANTAI TIMUR (EAST COAST RAIL LINK – ECRL)

Rajah 4.3: Konsep dan Strategi Pembangunan Pelan Induk



Ke Thailand


Ke Pelabuhan Klang
(Sambungan Ke Jajaran Sisihan Northport dan Westport)

Sumber: Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PeGTaECRL), 2023

Anggaran Jarak Dan Masa Perjalanan


Rajah 4.4 dan Rajah 4.5 menunjukkan anggaran jarak dan masa perjalanan perkhidmatan penumpang dan kargo bagi memberi gambaran awal tempoh masa perjalanan untuk setiap stesen.

Rajah 4.4: Anggaran Masa dan Jarak Perjalanan Penumpang



Nota: Anggaran jarak dan masa perjalanan adalah perkiraan dari pihak perunding berdasarkan purata kelajuan trend 140km/jam

Rajah 4.5: Anggaran Masa dan Jarak Perjalanan Kargo



Nota: Anggaran jarak dan masa perjalanan adalah perkiraan dari pihak perunding berdasarkan purata kelajuan trend 70km/jam

Pelan Pembangunan Spatial Jajaran ECRL diterjemahkan hasil daripada asas pembentukan konsep di Rajah 4.2, konsep dan strategi pembangunan di Rajah 4.3 serta anggaran jarak dan masa perjalanan bagi setiap stesen di Rajah 4.4 dan Rajah 4.5.

PROJEK BERIMPAK TINGGI

Berdasarkan Konsep Pembangunan Spatial Jajaran ECRL, terdapat 51 projek/ kawasan berimpak tinggi yang telah dikenal pasti oleh Rancangan Struktur Negeri dan perbincangan bersama Kerajaan Negeri yang akan memberi impak langsung kepada keseluruhan pembangunan ECRL dan kawasan sekitar seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1: Senarai Projek/ Kawasan Berimpak Tinggi dalam Kawasan Perancangan

Negeri	Stesen	Kepentingan Stesen	Bil.	Senarai Kawasan/ Projek Berimpak Tinggi yang Menerima Impak Pembangunan Stesen ECRL	No dalam Pelan (Rajah 4.7)		
Kelantan	Stesen ECRL Kota Bharu	Pusat TOD Ibu Negeri di peringkat T1: Wilayah	1.	Cadangan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP)	1		
			2.	Bandar Baru Tunjong	2		
			3.	Pasir Mas <i>Halal Park</i>	3		
	STN ECRL Pasir Puteh (Kargo)	Pusat Logistik Negeri Kelantan dan Daerah Utara Terengganu	4.	Cadangan Pelabuhan Tok Bali			
			5.	Cadangan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3)			
			6.	Lebuhraya Utama Tengah (Central Spine Road)			
			7.	Taman IBS Machang			
			8.	Tok Bali Industrial Park	4		
Terengganu	STN ECRL Jerteh	<ul style="list-style-type: none"> • Gerbang eko pelancongan perdana • Bekalan guna tenaga ke Pasir Puteh dan Kota Bharu 	9.	Bandar Lestari	7		
	STN ECRL Bandar Permaisuri	Bekalan guna tenaga ke Kota Bharu dan Kuala Terengganu	10.	Taman Ilmu Tembila	7		
			11.	Geopark Besut – Setiu	5		
			12.	Tanaman Pertanian Lada Hitam Terengganu	6		
	STN ECRL Kuala Terengganu	Pusat TOD Ibu Negeri di peringkat T2: Bandar	13.	Cadangan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3)			
			14.	Kampus Universiti, Bukit Kor, Marang	8		
	STN ECRL Dungun (Kargo)	Gerbang Institusi Pendidikan	15.	Lembah Silika	9		
			16.	Kawasan Perindustrian Kerteh, Dungun	10		
			STN ECRL Kemasik	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti industri gas dan petroleum • Bekalan guna tenaga ke Kerteh, Paka dan Chukai 	17.	Kawasan Perindustrian Berat Teluk Kalong, Kemaman	11
					18.	Pengukuhan dan Pembesaran Pelabuhan Kemaman	12
STN ECRL Chukai (Kargo)	Pelabuhan Kemaman dan Kawasan Perindustrian	19.	Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah/ Cadangan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan	13			
		20.	Bandar Aeroangkasa Pahang	14			
Pahang	STN ECRL Cherating	<ul style="list-style-type: none"> • Pintu masuk antarabangsa Gateway pelancongan • TOD T2: Bandar 	21.	Kawasan Industri Gebeng - Kluster Teknologi Tinggi dan Kluster Industri Kimia dan Petrokimia	15		




Jadual 4.1: Senarai Projek/ Kawasan Berimpak Tinggi dalam Kawasan Perancangan (sambungan)

Negeri	Stesen	Kepentingan Stesen	Bil.	Senarai Kawasan/ Projek Berimpak Tinggi yang Menerima Impak Pembangunan Stesen ECRL	No dalam Pelan (Rajah 4.7)
Pahang	STN ECRL KotaSAS	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat TOD Ibu Negeri dan Pusat Konurbasi Timur • TOD T1 : Wilayah 	22.	Bandar KotaSAS	16
	STN ECRL Paya Besar (Kargo)	Gerbang Institusi Pendidikan	23.	Taman Teknologi Pahang (PTP)	17
			24.	Paya Besar <i>Edu & Sport City</i>	18
	STN ECRL Temerloh (Kargo)	<ul style="list-style-type: none"> • Hab Logistik Wilayah Tengah Pahang • Aktiviti industri perikanan dan tanaman komoditi • <i>Gateway</i> ke kawasan Taman Negara (Jerantut) 	25.	Pembangunan Terminal Logistik Bersepadu Mentakab - Temerloh	20
			26.	Pembangunan Hab Logistik Wilayah - Temerloh	21
			27.	<i>Temerloh Smart Valley</i> (TSV)	22
			28.	Taman Teknologi Tinggi Temerloh	23
	STN ECRL Maran (Kargo)		29.	Pembangunan Bandar Baru Maran	19
	STN ECRL Bentong (Kargo)	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Gateway</i> ke kawasan pelancongan tanah tinggi • Aktiviti pertanian tanah tinggi dan industri automotif kenderaan berat • Bekalan guna tenaga ke W.P. Kuala Lumpur 	30.	Lanchang, Lebu & Chemomoi - Pertanian Makanan Negara dan <i>National Food Sovereignty</i> (Tenusu/Buah-buahan/ Ternakan/ Padi	24
			31.	Rezab Hidupan Liar Krau Sebagai Zoo dan Safari Negara (Taman Hidupan Liar)	25
			32.	Menaik Taraf Perhubungan Bersempadan Terutama Konurbasi Lembah Klang	
			33.	Penyempurnaan Pembinaan <i>Central Spine Road</i> (CSR)	26
			34.	Bentong - Janda Baik Sebagai Sumber Pusat Pelancongan Oksigen Lembah Klang	27
35.			Produk IKS Pemangkin Pembangunan Luar Bandar		
36.			Pusat Pemasaran Hasil Pertanian Bentong	28	
37.			Cadangan Lebuhraya KL Node		
Selangor	STN ECRL ITT Gombak	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat TOD utama Wilayah Pantai Barat • Pintu masuk utama dari kawasan Lembah Klang 	38.	<i>Geopark</i> Kebangsaan	
	STN ECRL Bandar Serendah (Kargo)	<ul style="list-style-type: none"> • Hab logistik, Serendah • Aktiviti industri peralatan pengangkutan (automotif, lokomotif, aeroangkasa) dan industri sokongan • Bekalan guna tenaga dari utara Selangor ke W.P. Kuala Lumpur 	39.	Hab Logistik, Serendah	29
			40.	Taman Industri Bernilai Tinggi, Serendah	
			41.	Zon Industri Automotif dan Industri Sokongan (Serendah - Sg Choh - Bukit Beruntung)	
			42.	Zon Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan (Rawang - Kuang dan Bernam Jaya - Lembah Beringin)	
	STN ECRL Puncak Alam	<ul style="list-style-type: none"> • Bekalan guna tenaga ke Serendah dan W.P Kuala Lumpur • Gerbang institusi pendidikan utara Selangor • <i>Gateway</i> ke kawasan pelancongan Kuala Selangor 	43.	<i>Elmina Industrial Park</i>	30
			44.	<i>Eco Business Park V</i> , Puncak Alam	31
	STN ECRL Kapar	<ul style="list-style-type: none"> • Bekalan guna tenaga ke Klang dan Pelabuhan Klang 	45.	Zon Ekonomi Bandar (Bernam Jaya, Rawang, Bukit Beruntung, Pelabuhan Klang)	
	STN ECRL Jalan Kastam (Kargo)	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat logistik ke Pelabuhan Barat dan Pelabuhan Timur • Aktiviti industri halal dan maritim 	46.	<i>Selangor Maritime Gateway</i> (SMG)	32
			47.	Kawasan Perindustrian SBB, Pulau Indah	33
			48.	Pelabuhan Klang - Pintu Masuk Pelancongan Antarabangsa	34
49.			Cadangan Pelabuhan Pulau Carey	35	
50.			Zon Industri Sokongan Pelabuhan dan Maritim (Pelabuhan Klang - Pulau Indah)		
51.			Zon Keutamaan Industri Halal, Pelabuhan Klang		


Sumber: Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PeGTaECRL), 2023

Rajah 4.7: Pelan Taburan Projek Berimpak Tinggi di Jajaran ECRL



PETUNJUK:

Hierarki Petempatan:



Kawasan Pertumbuhan Ekonomi:

- ▲ Projek Berimpak Tinggi
- 🌴 Kawasan Pelancongan

Kawasan Risiko Bencana:

- ⚠️ Kawasan Banjir

Lain-lain:

- 🛣️ Jalan Raya Utama
- 🚆 Laluan Rel KTM
- 🛤️ Laluan Cadangan ECRL
- 🛳️ Pelabuhan
- ✈️ Lapangan Terbang

- ➡️ Arah Tekanan Pembangunan
- 🔗 Perhubungan Stesen dengan Kawasan Berhampiran


Sumber: Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PeGTaECRL), 2023



4.2 MATLAMAT DAN TERAS PERANCANGAN PELAN INDUK BERSEPADU GUNA TANAH ECRL

MATLAMAT

“PELAN INDUK BERSEPADU GUNA TANAH MEREALISASI POTENSI ECRL KE ARAH PERUBAHAN GUNA TANAH MAMPAN BAGI MENINGKATKAN DAYA SAING KONURBASI NASIONAL DI PERINGKAT ANTARABANGSA DAN MEMACU PEMBANGUNAN WILAYAH PANTAI TIMUR”



STRATEGI PERANCANGAN, TINDAKAN DAN PERINCIAN



Sumber: <https://kingcounty.gov/elected/executive/constantine/news/release/2015/September/28-transit-oriented-development.aspx>

4.2.1 TERAS PERANCANGAN

Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur mengandungi **tiga (3) teras perancangan** yang akan memandu pembentukan strategi dan tindakan pembangunan sekitar stesen ECRL. Teras perancangan akan disokong dengan **pemboleh daya utama** yang menumpukan kepada kebolehlaksanaan keseluruhan teras perancangan, strategi perancangan dan tindakan di dalam PeGTaECRL.

A. TERAS PERANCANGAN 1 - KESEPADUAN PERANCANGAN GUNA TANAH DAN PERKHIDMATAN WILAYAH

Teras Perancangan 1 memfokuskan kepada **pembangunan strategik wilayah dan perancangan guna tanah kawasan yang menerima impak daripada pembangunan ECRL**. Perancangan wilayah yang efektif adalah penting bagi memastikan **ketersambungan perhubungan** di antara negeri di Wilayah Pantai Timur, Wilayah Pantai Barat dan negara berjiran Thailand serta antarabangsa. Perancangan guna tanah yang mampan dan optimum dapat memastikan pembangunan di sekitar stesen mampu memberi **impak kepada kawasan sekitar** dan limpahan ini akan merancakkan pembangunan sedia ada. Berikut merupakan **empat (4) sasaran** yang ditetapkan bagi Teras Perancangan 1.

SASARAN

- 01** Pembangunan Wilayah Pantai Timur yang **lebih seimbang** dan **kompetitif**.
- 02** Perhubungan kerjasama dan perdagangan antarabangsa yang diperkukuh.
- 03** **Perkembangan pesat guna tanah sekitar konurbasi** perbandaran dan wilayah selaras dengan fungsi dan peranan bandar berdasarkan perancangan negara.
- 04** Kawasan sekitar stesen yang sedia menerima manfaat projek ECRL, pembangunan stesen dan persekitaran guna tanah perbandaran yang **vibran, reka bentuk yang efisien** untuk perjalanan yang **lancar** dan **selamat**.





B. TERAS PERANCANGAN 2 - PEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI WILAYAH

Teras Perancangan 2 memfokuskan kepada **sosioekonomi, kemudahan pasaran dan logistik** serta **pembangunan sektor hiliran/ ekonomi sekunder** di Wilayah Pantai Timur. Perancangan sektor ekonomi produktif mampu menjadikan Wilayah Pantai Timur lebih berdaya saing seiring wilayah lain di Semenanjung Malaysia. Fokus juga diberikan kepada sektor **ekonomi hiliran, sekunder** serta **e-commerce** bagi memberi nilai tambah kepada sektor ekonomi sedia ada. Berikut merupakan **lima (5) sasaran** yang ditetapkan bagi Teras Perancangan 2.

SASARAN

- 01** Pembangunan ECRL bertindak sebagai **perangsang pembangunan** dan **pemangkin ekonomi** bandar dan kawasan luar bandar.
- 02** Pelaburan masuk ke Wilayah Pantai Timur dan **pembangunan ekonomi** lebih rancak.
- 03** **Pembukaan pasaran barangan** dan **perkhidmatan** kepada tadahan penduduk wilayah dan antara wilayah yang lebih luas.
- 04** Membentuk rantaian aktiviti IKS tradisional ke tahap **komersial** dan **bernilai tambah tinggi** untuk pasaran lebih besar melalui **perkhidmatan forwarding** dan **penghantaran barangan**.
- 05** **Pembangunan pelancongan** Wilayah Pantai Timur lebih rancak dengan perjalanan pelancong yang **lebih selesa** dan **cepat**.

C. TERAS PERANCANGAN 3 - PENGUKUHAN KESALINGHUBUNGAN, MOBILITI DAN INFRASTRUKTUR SOKONGAN

Jaringan perhubungan dan kesalinghubungan antara negeri di Wilayah Pantai Timur seperti jalan raya dan pengangkutan awam adalah terhad berbanding wilayah lain. Kesalinghubungan ini penting bagi **menambah baik mobiliti kepada penduduk, barangan dan perkhidmatan**. Teras Perancangan 3 dirangka bagi **menyelesaikan masalah kesalinghubungan antara wilayah, daerah dan kawasan sekitar terutama dari aspek jaringan, aksesibiliti dan mobiliti pengangkutan awam serta risiko bencana**. Peningkatan kesalinghubungan akan dapat meningkatkan taraf hidup penduduk dan memberi impak positif kepada seluruh kawasan tadahan. Berikut merupakan **empat (4) sasaran** yang ditetapkan bagi Teras Perancangan 3.

SASARAN

- 01** **Peningkatan tahap aksesibiliti** dan **mobiliti** melalui **rangkaian hubungan yang baik** antara stesen ECRL dan bandar terhampir/ hab ekonomi serta kawasan perindustrian.
- 02** Perancangan pembangunan di kawasan sekitar stesen kargo ECRL **menggalakkan penggunaan perkhidmatan kargo** dan **logistik ECRL** atau **Cargo Oriented Development (COD)**.
- 03** Kawasan sekitar stesen **dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur dan utiliti** serta tersedia bagi menerima pembangunan.
- 04** Pembangunan ECRL dan kawasan sekitar stesen **selamat daripada risiko bencana** serta mengambil kira keperluan impak sosial pihak berkepentingan.



4.2.2 PEMBOLEH DAYA UTAMA

A. PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BERDAYA LAKSANA

Pemboleh Daya Utama bertindak untuk memantapkan sistem pengurusan dan pelaksanaan bagi negeri di Wilayah Pantai Timur khususnya yang berkaitan dengan pembangunan guna tanah dan penyediaan kemudahan di stesen dan sepanjang jajaran ECRL. Memandangkan kawasan ECRL melibatkan banyak pihak dan agensi maka **penyelarasan pembangunan bagi kawasan ECRL** adalah sangat penting dan memerlukan tindakan pelaksanaan bersepadu yang khusus. Pemboleh daya utama yang telah dikenal pasti adalah **Perancangan, Pelaburan dan Tadbir Urus**. **Pemboleh Daya Utama Perancangan** menjadi penggerak kepada **teras guna tanah dan kesalinghubungan**, sementara **Pemboleh Daya Utama Pelaburan** akan menjadi **penggerak kepada teras ekonomi**. **Pemboleh Daya Utama Tadbir Urus** akan menjadi **penggerak kepada pelaksanaan keseluruhan PeGTaECRL**. Berikut merupakan **enam (6) sasaran** yang ditetapkan bagi **Pemboleh Daya Utama** dan pencapaian kepada objektif kajian serta isu strategik yang diambil kira iaitu;

SASARAN

- 01** Melaksanakan segera **proses penggantian** dan **pengubahan RT** yang mengambil kira PeGTaECRL.
- 02** Membangunkan **projek berimpak tinggi** menerusi **Syarikat Usahasama (JV)** atau **Penubuhan Syarikat Tujuan Khas (SPV)**.
- 03** Agensi kerajaan dan pihak swasta mengambil kira cadangan PeGTaECRL bagi perancangan **penyediaan kemudahan jalan raya, kemudahan pengangkutan awam, infrastruktur dan fasiliti**.
- 04** **Menarik pelaburan** dan **memperkasa agensi pelaburan** sedia ada.
- 05** **Menyediakan kursus** dan **latihan pembangunan modal insan** kepada penduduk dan peniaga IKS dalam aspek pemasaran serta E-Dagang.
- 06** **Memudah cara** proses permohonan pembangunan dan penyelarasan antara agensi, kerajaan negeri dan PBT.





4.2.3 PENGAPLIKASIAN PEMBANGUNAN PINTAR KE DALAM PeGTaECRL

Malaysia *Smart City Framework* (MSCF) dijadikan panduan bagi PeGTaECRL dalam memastikan cadangan yang dirancang mengambil kira elemen bandar pintar yang bersesuaian. Daripada **tujuh (7) elemen** bandar pintar, terdapat **tiga (3) elemen bandar pintar** yang sesuai untuk diaplikasikan ke dalam PeGTaECRL.

ELEMEN 1 SMART ENVIRONMENT



Smart Environment ialah inisiatif bagi memastikan cadangan yang dikeluarkan mengambil kira kesan terhadap alam sekitar. Pengaplikasian pembangunan pintar merangkumi pengurusan banjir dengan sistem pemantauan, analisis ramalan banjir atau sistem tebatan banjir dan perparitan pintar. *Smart Environment* juga merangkumi penggunaan teknologi dan sistem pengangkutan awam rendah karbon. Cadangan yang dikeluarkan akan mengambil kira elemen *Smart Environment* bagi keseimbangan pembangunan dan alam sekitar.

ELEMEN 2 SMART MOBILITY



Pengaplikasian *Smart Mobility* dalam cadangan Pelan Induk ini mengambil kira penggunaan infrastruktur pengangkutan yang pintar merangkumi pengurusan pengangkutan awam, sistem pengurusan lalu lintas pintar seperti isyarat pintar dan sistem tiket bersepadu, aplikasi sistem tempat letak kereta pintar dan pengesanan pengangkutan awam berdasarkan masa sebenar. *Smart Mobility* juga merangkumi perancangan spatial yang mengambil kira penyertaan dan menggunakan teknologi GIS dalam keselarasan pembangunan dan pengangkutan awam. Cadangan yang akan dikeluarkan memudahkan dan menarik orang awam untuk menggunakan perkhidmatan awam dengan adanya sistem atau aplikasi yang efisien.

ELEMEN 3 SMART DIGITAL INFRASTRUCTURE



Smart Digital Infrastructure merupakan elemen bandar pintar yang menekankan kepada cadangan penaiktarafan infrastruktur jalur lebar bagi meningkatkan pencapaian kawasan tadahan perkhidmatan secara meluas. Sesetengah stesen ECRL yang terletak di kawasan luar bandar dilihat berpotensi untuk menjadi hab penyediaan rangkaian jalur lebar berkapasiti tinggi dan memberikan liputan perhubungan yang komprehensif kepada penduduk setempat. Dengan adanya kemudahan jalur lebar ini juga akan meningkatkan daya huni penduduk setempat ke arah pendigitalan yang dapat membantu kehidupan seharian serta sosioekonomi penduduk.





4.3 RUMUSAN HALA TUJU PERANCANGAN PeGTaECRL

Hala Tuju Perancangan Pelan Induk terdiri daripada **tiga (3) Teras Perancangan** dan **satu (1) Pemboleh Daya Utama** yang akan membentuk **12 Strategi Perancangan, 21 Tindakan Dan 69 Perincian** yang akan diperincikan dalam **Bab 5: Strategi Perancangan Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah**.

MATLAMAT

PELAN INDUK BERSEPADU GUNA TANAH MEREALISASI POTENSI ECRL KE ARAH PERUBAHAN GUNA TANAH MAMPAN BAGI MENINGKATKAN DAYA SAING KONURBASI NASIONAL DI PERINGKAT ANTARABANGSA DAN MEMACU PEMBANGUNAN WILAYAH PANTAI TIMUR
TERAS

